



## **TEKS UCAPAN**

**YB TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM PUTRAJAYA PARKS DAY**

**23 FEBRUARI 2020 (AHAD)**

**TAMAN WAWASAN,  
PRESINT 2, WP PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Saudari Pengerusi Majlis

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Datuk Dr Aminuddin Bin Hassim  
Presiden  
Perbadanan Putrajaya

Pengurusan Kementerian Wilayah  
Persekutuan dan Agensi-Agenzi di  
bawahnya,

Rakan-Rakan Kerjasama Strategik,

Wakil-wakil Penduduk dan Komuniti  
Putrajaya,

## Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Dihormati Sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sayangi  
Wilayahku

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan izinNya jua dapat kita berkumpul bersama-sama dalam kehijaun dan kesegaran alam pada pagi ini bagi menjayakan **Program Putrajaya Parks Day** di Taman Wawasan Putrajaya.

2. Saya mengucapkan terima kasih kepada Perbadanan Putrajaya di atas undangan untuk saya merasmikan

program ini yang merupakan salah satu acara bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 dan juga sebagai sokongan kepada program World's Park Day yang disambut di peringkat antarabangsa.

*Tuan-tuan dan puan-puan,*

## **PUTRAJAYA BANDAR RAYA TAMAN**

3. Program Putrajaya Parks Day ini amat signifikan dengan Putrajaya yang dibangunkan berkonsepkan ‘Bandar Raya Taman’, di mana 40% daripada kawasannya adalah terdiri daripada taman-taman awam serta tasik dan wetland yang diwujudkan bagi memastikan kelestarian alam dan keseimbangan ekosistem di wilayah ini.

4. Daripada 12 buah taman awam yang dirancang, 10 daripadanya telahpun siap dibangunkan dan beroperasi di mana setiap satunya mempunyai konsep, tema dan ciri yang tersendiri antaranya termasuklah Taman Wawasan, Taman Wetland, Taman Botani, Taman Rimba Alam, Taman Saujana Hijau, Taman Warisan Pertanian dan Taman Pancarona. Taman Wawasan seluas 132 ekar ini sebagai contoh, adalah bercirikan taman metropolitan yang berbukit, bercerun dan berpantai dengan lokasinya terletak di dalam kawasan pusat bandar yang bukan sahaja sangat berhampiran dengan sebahagian bangunan-bangunan kerajaan di Presint 2 termasuk Kompleks Kementerian Kewangan, malah Wisma Putra yang menempatkan Kementerian Luar Negeri

adalah terletak di dalam kawasan taman ini.

5. Sementara itu, komponen tasik dan wetland merupakan satu lagi ciri utama yang menyerlahkan lagi penonjolan imej Putrajaya sebagai bandar raya taman. Keunikan Tasik Putrajaya yang merupakan buatan manusia seluas lebih 600 hektar ini membentuk satu badan air yang tenang dan damai dengan standard kualiti airnya yang tinggi dan selamat digunakan bagi tujuan rekreasi, hasil daripada sistem rawatan dan penapisan air secara mesra alam di Wetland Putrajaya, yang merupakan wetland air tawar buatan terbesar pernah dibina di kawasan tropika.

*Tuan-tuan dan puan-puan,*

## **PERSEKITARAN HIJAU – INISIATIF WILAYAH PEDULI**

6. Pembangunan taman-taman awam, badan air dan landskap di Putrajaya sememangnya telah mewujudkan persekitaran yang selesa dan kondusif ke arah suasana kehidupan yang lebih berkualiti di wilayah ini. Ini adalah selari dengan hala tuju Kementerian Wilayah Persekutuan yang meletakkan Persekitaran Hijau sebagai salah satu teras utama ke arah pencapaian Inisiatif Wilayah Peduli. Lanjutan daripada itu jua program hari ini adalah usaha ke arah merakyatkan taman-taman awam di Putrajaya selaras dengan Pelan

## Tindakan Blue Print Masyarakat Sejahtera.

7. Tidak dinafikan, kehidupan moden telah sedikit menyebabkan manusia semakin tertekan. Justeru, konsep bandar raya taman yang merupakan salah satu elemen penting dalam aspek persekitaran hijau ini akan dapat membantu rakyat menenangkan fikiran dan menghilangkan tekanan dalam zaman kehidupan moden yang semakin mencabar ini.

8. Kewujudan taman awam dan landskap dengan pelbagai kemudahan rekreasi yang mesra pengguna akan menggalakkan minat rakyat untuk mengamalkan gaya hidup sihat, sekaligus meningkatkan kualiti kesihatan

dan membendung isu-isu kesihatan mental yang sedang meningkat di serata dunia kebelakangan ini. Penekanan kepada pembangunan moden yang seimbang serta gaya hidup yang mesra alam perlu diberi keutamaan supaya masyarakat di negara ini khususnya di kawasan perbandaran tenang dan harmoni.

9. Kementerian Wilayah Persekutuan juga dalam proses memperluaskan konsep bandar raya taman ini kepada konsep Negara Taman yang diselaraskan oleh Jabatan Landskap Negara menerusi Majlis Negara Taman yang dipengerusikan oleh saya sendiri.

*Tuan-tuan dan puan-puan,*

## **ECO TOURISM – TMM2020**

10. Kewujudan badan air serta taman-taman awam di Putrajaya dengan kepelbagaian konsep dan ciri turut memberi nilai tambah kepada Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini sebagai destinasi pelancongan khususnya dalam aspek Eco-tourism.

11. Selari dengan aspirasi Tahun Melawat Malaysia 2020 yang menekankan aspek Eco-Tourism, kepelbagaian diversiti flora dan fauna yang dihasilkan menerusi konsep pembangunan bandar raya taman di Putrajaya merupakan salah satu komponen yang boleh ditonjolkan dalam aspek ini. Malah berdasarkan rekod

pemantauan, diversiti fauna khususnya burung dan serangga didapati meningkat berbanding ekosistem sebelum Putrajaya dibangunkan iaitu ketika masih diliputi ladang getah dan kelapa sawit.

12. Sebagai contoh dalam hal ini, Perbadanan Putrajaya telah melaksanakan program Urban Birding Putrajaya dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia, dan Pertubuhan Kelestarian Ekosistem Alam (NEST) dalam mengenalpasti dan mengkaji spesis-spesis burung yang terdapat di beberapa taman-taman awam Putrajaya. Kajian ini akan turut dikembangkan di Taman Wawasan pada tahun ini.

13. Koleksi flora dan fauna di Putrajaya merupakan khazanah yang amat bernilai bagi Wilayah Persekutuan khususnya dan Malaysia amnya.
14. Di samping itu, kewujudan taman-taman awam dan Tasik Putrajaya menjadikan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan ini sebagai lokasi penganjuran acara bertaraf dunia termasuk Floria Diraja Putrajaya dan Kejohanan Sukan Air Antarabangsa sekaligus melonjakkan lagi sektor pelancongan di wilayah ini.

*Tuan–tuan dan puan–puan,*

## **HARAPAN**

15. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada

Perbadanan Putrajaya di atas usaha berterusan dalam memelihara taman-taman awam, tasik dan wetland serta membangunkan produk-produk pelancongan dan aktiviti yang inovatif dengan mengetengahkan aspek bandar raya taman ini sebagai salah satu produk utama selaras dengan Pelan Strategik Perbadanan Putrajaya 2015-2020 dan Pelan Struktur Putrajaya 2025 ke arah Putrajaya Mampan.

16. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak termasuk agensi kerajaan, syarikat swasta, organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti Putrajaya yang sentiasa menyokong dan bersama-sama Perbadanan Putrajaya dalam usaha yang dilaksanakan dan semoga jalinan

kerjasama strategik ini akan dapat diperluas dan dipertingkatkan lagi.

17. Adalah diharapkan juga agar menerusi program Putrajaya Parks Day serta program-program lain yang dianjurkan akan meningkatkan kesedaran orang ramai khususnya warga Putrajaya dan Wilayah Persekutuan untuk menghargai kemudahan-kemudahan yang disediakan dan memanfaatkan dengan sebaiknya selari dengan tema dan kempen Sayangi Wilayahku.

18. Akhir kata, saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini.

19. Dengan lafaz  
'BismillahirRahmanirRahim,' saya  
merasmikan Putrajaya Parks Day 2020.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.